

# Kem bantu pelajar madrasah hadapi ujian GCE 'O'

MEMBANTU pelajar madrasah mencapai pencapaian dalam peperiksaan peringkat 'O'.

Itu yang diharap dapat dicapai di akhir kem tiga hari dua malam 'Camp Inc '12: Ad Initium – A Journey Through Time' anjuran sebuah badan sukarela, Aspire, dan Achieve Through Mentorship atau Berilitizam dan Mencapai Matlamat Melalui Mentor (AAM).

AAM dimulakan empat tahun lalu oleh sekumpulan belia yang ingin membantu pelajar Madrasah Aljunied Al-Islamiah yang menduduki pe-

riksaan GCE peringkat 'O' tahun ini.

Seramai 70 pelajar madrasah itu menyertai kem tersebut.

Acara itu berlangsung dari semalam sehingga esok di Universiti Nasional Singapura (NUS) sementara kegiatannya diadakan di beberapa tempat seperti Kebun Bunga, Sungai Kallang dan Masjid Tentera.

Pelajar dibahagikan kepada lapan kumpulan dan setiap kumpulan diiringi dua mentor yang akan membimbing mereka sepanjang kem tersebut.

Mentor-mentor ini pula

adalah mahasiswa dari NUS, Universiti Teknologi Nanyang (NTU) dan Universiti Pengurusan Singapura (SMU), bekas dan pelajar semasa politeknik, mereka yang baru sahaja selesai menjalani Perkhidmatan Negara dan golongan karyawan.

Kira-kira 60 orang terlibat dalam kem ini.

Seorang sukarelawan AAM, Cik Azimah Muhammad, 24 tahun, berkata: "Tujuan utama kem ini ialah menyiapkan pelajar menghadapi peperiksaan GCE peringkat 'O' bagi mata pelajaran Matematik 'E' dan 'A' serta Bahasa

Inggeris.

"Ia juga diharap dapat membentuk watak yang baik dan membina keyakinan sambil menerapkan kemahiran kepimpinan dan berkomunikasi."

Sepanjang kem ini, pelajar akan melalui beberapa kegiatan yang bukan sahaja menguji kepintaran mereka dalam mata pelajaran Matematik dan Bahasa Inggeris, malah mereka akan melalui pengalaman di luar zon selesa mereka.

Sebenarnya, setiap kegiatan yang dilakukan pelajar ini mempunyai objektif pembelajaran.

Misalnya, kegiatan *tele-match* dan permainan perang-perangan pada hari pertama akan mengajar mereka mengenai pentingnya mempunyai strategi dan semangat berpasukan.

Kegiatan mendayung bot naga pada hari kedua pula akan mengajar mereka mengenai pentingnya kerjasama antara satu sama lain.

Cik Azimah berkata beliau berharap para pelajar madrasah tersebut dapat menimba pengalaman seluas mungkin daripada kegiatan dan persekitarannya yang dianjurkan itu.